

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 13/03/16

Bismillahirrahmanirrahim

Sabda Rasulullah ﷺ: *“Tidak halal bagi tiga orang yang berada di suatu tempat melainkan dilantik seorang daripada mereka sebagai ketua.”*
(HR Ahmad)

Hadith di atas jelas menunjukkan peri pentingnya diwujudkan peranan ketua hatta di dalam perhimpunan yang minimal. Dalam himpunan atau jemaah tiga orang sekalipun dituntut untuk melantik ketua, apatah lagi jika ianya melibatkan perhimpunan yang lebih besar. Maka apakah rahsia atau hikmah yang tersirat di sebalik tuntutan Rasulullah ﷺ sendiri untuk melantik seorang ketua dalam himpunan manusia? Ianya terkait dengan sifat manusia yang berhajat untuk diurus atur.

Sesungguhnya kemaslahatan Bani Adam tidak akan mampu disempurnakan melainkan dengan perhimpunan atau jemaah, sebahagiannya berhajat kepada bantuan yang lain dan sebaliknya. Apabila mereka berhimpun, diperlukan seorang yang mengatur urusan dan memimpin.

Paling asas adalah terkait dengan fitrah jasadi kemanusiaan itu sendiri. Pada sarung, ataupun badan anak-anak Adam terdapat sifat dan kekuatan kebinatangan dalam bentuk hawa nafsu dan tabiat yang menghimpunkan sifat-sifat tercela pada syarak. Jika sifat dan kekuatan kebinatangan ini gagal dikawal atau dibendung, ianya berpotensi mencetuskan permusuhan akibat dari perilaku buruk seperti khianat-mengkhianati, tikam-menikam dan cabul-mencabuli, malahan boleh mendatangkan kemerbahayaan pada diri dan hartabenda akibat berlakunya tindakan-tindakan ganas dan buas seperti serang-menyerang, pembunuhan dan peperangan.

Di awal usia ketamadunan manusia, senjata-senjata yang digunakan untuk menjamin diri daripada serangan binatang-binatang buas tetap tidak mampu melindungi mereka daripada serangan manusia-manusia lain kerana semuanya mempunyai kekuatan senjata yang sama. Disini wujud keperluan pada golongan manusia khusus yang melindungi daripada unsur-unsur keganasan pada sesama insan. Manusia khusus ini mengambil peranan sebagai ‘ketua’, dengan ciri-ciri kekuatan, keberanian dan kewibawaan mengatasi yang lain, serta mampu pula menguasai mereka sehingga ancaman pencabulan, serang-menyerang dan pembunuhan dapat dibendung. Inilah yang dimaksudkan dengan asas kekuasaan dan kedaulatan.

Walaupun di satu sisi manusia memerlukan pelindung untuk membentengi daripada keganasan diantara satu sama lain disebabkan wujud sifat dan kekuatan kebinatangan pada jasad mereka, namun di sisi yang lain pula, fitrah insan adalah saling memerlukan dan bekerjasama untuk menghasilkan keperluan asasi seperti makanan selain mendapatkan keselamatan dan perlindungan daripada unsur-unsur alam dan binatang-binatang buas yang melata.

Pergantungan sesama insan mencakupi juga dalam bentuk mewujudkan berbagai kemahiran, keahlian, mencipta pelbagai perkakasan hatta mewujudkan sistem-sistem apabila muncul dan berkembangnya organisasi kemasyarakatan dengan bertambahnya bilangan manusia. Maka berkembanglah peranan ketua yang bukan sahaja perlu kuat dan berani, malah bijaksana dan berwibawa untuk menerajui tugas mengatur elemen-elemen ketamadunan dan peradaban golongan manusia awam.

Di masa-masa kemudian apabila bilangan manusia menjadi bertambah ramai dengan berbagai kabilah serta tanah-tanah jajahan yang semakin meluas, peranan ketua-ketua menjadi lebih penting bagi mengimbangkan serta menangani masalah perbezaan martabat, prinsip dan kepercayaan, kepentingan individu-individu mahupun kelompok-kelompok yang semakin kompleks dengan berbagai ragam karenah dan citarasa sehingga boleh membawa kepada konflik dan perbalahan antara satu sama lain jika tidak dikuasai dan dibimbingi.

Perkembangan tamadun, budaya dan peradaban yang progresif dan dinamik telah menerbitkan sistem-sistem sokongan kepada penguasa atau ketua yang paling tinggi itu. Maka wujudlah jawatan wazir, perdana menteri atau bendahara sebagai ketua pentadbir yang mempunyai hubungan secara langsung dengan penguasa, ketua polis dan tentera yang menjaga bahagian keselamatan serta jemaah menteri yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang yang diwujudkan demi kelancaran hal ehwal pemerintahan dan pengurusan masyarakat seperti bidang ekonomi, pendidikan, perundangan, sosio-budaya dan sebagainya.

Kesimpulannya, pada tamadun awal dengan kehidupan manusia yang serba asas dan ringkas, dengan infrastruktur dan organisasi kemasyarakatan yang minimal, ketua atau penguasa mempunyai kuasa atas kelebihan kekuatan kudrat tenaga dan keberanian dengan keupayaan lain yang serba sederhana untuk menguasai masyarakatnya.

Belakangan apabila masyarakat berkembang menjadi semakin pelbagai, kompleks dan rumit, ketua-ketua memerlukan ciri-ciri intelektualisme dan kebijaksanaan, berpandangan jauh, menjadi pemikir, bertindak dan melaksana (*men of action*) serta berupaya pula membentuk sistem-sistem sokongan dengan mesyuarat dan muafakat para pendokong dan pembantu dengan kemahiran dalam berbagai bidang termasuk aspek keagamaan, budaya dan peradaban sehingga jadilah ketua-ketua itu orang-orang yang berkuasa dan berdaya hebat sehingga dapat menerbitkan kerajaan-kerajaan yang kuat, cemerlang dan gilang gemilang. Dalam konteks wilayah kedaulatan, itulah peranan Sang Raja.

Dan ketahuilah bahawasanya mentadbir umat Islam merupakan sebesar-besar urusan duniawi kerana terkait rapat dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah di mukabumi ini. Ianya berhajat pada kepimpinan *amirul mukminin*, malahan urusan agama dan dunia tidak akan dapat disempurnakan tanpanya.

Al-Imam Umar bin Muhammad An-Nasafi menegaskan peranan Raja seperti berikut:

“Orang Islam itu mestilah mereka melantik seorang Raja yang dapat menjalankan hukum Islam dan mendirikan hukum seksa dan dera (had) dan menguatkan pusat-pusat dan tempat-tempat pertahanan di sepanjang sempadan negeri, dan menyediakan angkatan tentera, dan menghimpunkan (mengutip) zakat dan menguasai ke atas penjahat-penjahat dan perompak, dan mendirikan

sembahyang Jumaat dan sembahyang Hari Raya, dan menyelesaikan perbalahan dan pergaduhan yang berlaku diantara umat Islam dan menerima saksi yang ada hubungannya dengan berbagai-bagai hak diantara manusia, dan mengkahwinkan budak-budak kecil dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang tiada mempunyai wali khas dan membahagi-bahagikan harta tawanan.”

Imam At-Taftazani pula menambah: *“Dan perkara lain yang tidak dapat dibuat oleh orang perseorangan”*

Wallahu ‘alam bissawab